

APLIKASI MUZINAS

WAN MOHD RAIS IKMAL HAFIZI BIN WAN RADZI
SITI AISHAH HANAWI
HAZURA MOHAMED

Fakulti Teknologi & Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Muzik adalah ilmu atau seni menyusun nada atau suara dalam urutan, kombinasi, dan hubungan temporal untuk menghasilkan komposisi (suara) yang mempunyai kesatuan dan kesinambungan. Pada suatu ketika dahulu, muzik hanya dimainkan oleh golongan bangsawan atau untuk hiburan kerabat diraja sahaja. Namun begitu, terdapat juga muzik yang dimainkan untuk rakyat. Jelas di sini bahawa seni muzik pada zaman dahulu mempunyai hierarki tersendiri. Selaras dengan peredaran zaman, hari ini masyarakat bebas menikmati seni muzik. Alat muzik juga merupakan lambang estetika dalam masyarakat kita. Muzinas adalah salah satu aplikasi pembelajaran alat muzik tradisional yang menarik untuk pendidikan. Aplikasi ini menyediakan empat modul seperti pengenalan alat muzik tradisional, asal usul alat muzik serta bunyinya dan kuiz. Metodologi yang digunakan adalah Model Air Terjun yang mempunyai lima fasa iaitu fasa perancangan, analisis, reka bentuk, implementasi dan pengujian. Aplikasi Muzinas dibangun dengan menggunakan perisian *Unity*. Akhirnya, diharap aplikasi dapat digunakan bagi memperoleh informasi berkenaan peralatan muzik tradisional dengan penyampaian yang menarik.

1 PENGENALAN

Pengertian muzik secara umum merupakan suara yang disusun sehingga mengandung irama, lagu dan keharmonian terutama dari suara yang dihasilkan dari alat yang dapat menghasilkan irama. Muzik adalah sebuah fenomena yang sangat unik yang boleh dihasilkan oleh beberapa alat muzik. Ada banyak fungsi muzik seperti untuk hiburan, ekspresi diri, bisnes, upacara dan ritual, menenangkan hati, mediasi dan sebagainya. Muzik secara umum terbahagi kepada muzik tradisional dan muzik modern (Norsuhaila Ibrahim 2019).

Alat muzik tradisional merupakan warisan budaya bagi setiap kaum di Malaysia. Pada zaman dahulu, alat muzik tradisional memainkan peranan sebagai alat penyebaran maklumat (Norsuhaila Ibrahim 2019). Pada era teknologi Generasi Alpha, pengetahuan tentang muzik dan bunyi alatan tradisional di Malaysia penting bagi meneruskan legasi budaya melayu pada zaman ini. Mengikut falsafah seniman agung Di Malaysia iaitu Tan Sri P.Ramlee pernah mengatakan “Kalau kita tidak semaikan muzik tradisional ke dalam dada anak-anak kita, anak muda kita, nescaya di suatu hari muzik lain (muzik budaya luar) akan mengambil tempat, kerana di dalam dada mereka itu kosong, tidak ada apa-apa (Yahya Al-Saufi Bani Leman 2010). Jelas bahawa kata-kata oleh Tan Sri P.Ramlee adalah benar, lihatlah anak muda zaman sekarang yang sangat tertarik dengan budaya luar contohnya ramai anak muda sama ada lelaki atau perempuan mengikut budaya barat mahupun Korea berbanding budaya kita sendiri. Maklumat penting berkenaan alatan muzik tradisional Melayu harus dikongsi

dan didedeh kepada masyarakat agar warisan muzik di Malaysia tidak pudar di hati masyarakat kita.

Muzinas adalah salah satu aplikasi pembelajaran berkenaan dengan alat muzik tradisional yang menarik untuk digunapakai dan juga untuk pendidikan. Aplikasi ini menyediakan empat modul iaitu Pengenalan Alat Muzik Tradisional, Asal usul Alat Muzik serta Bunyinya dan Kuiz. Adalah diharap agar aplikasi Muzinas dapat diguna bagi memperoleh informasi tentang alat muzik tradisional yang efektif dengan penyampaian yang menarik.

2 PENYATAAN MASALAH

Berdasarkan kajian yang dijalankan, pelbagai masalah dikenalpasti mengapa aplikasi Muzinas perlu dibangun. Masalah yang dihadapi ialah:

- i. Pada era terkini, ramai yang tidak mengenali nama alatan muzik tradisional di Malaysia (MelakaKini 2019).
- ii. Anjakan paradigma diambil agar alat muzik tradisional tidak hilang ditelan zaman, sebaliknya mampu menjadi warisan budaya untuk generasi yang akan datang (Leong Kai Wen 2014).
- iii. Masih kurang aplikasi mengenai informasi berkenaan alatan muzik tradisional.

Oleh itu, suatu aplikasi mudah alih Muzinas dibangun untuk menarik minat pengguna agar dapat memudahkan mereka dalam pencarian dan perkongsian maklumat mengenai muzik.

3 OBJEKTIF KAJIAN

Aplikasi dibangun untuk mencapai objektif berikut:

- i. Membangunkan aplikasi berkenaan alatan muzik tradisional melayu.
- ii. Menguji keberkesanan dan kebolegunaan aplikasi Muzinas kepada pengguna.

4 METOD KAJIAN

Metodologi bagi pembangunan Aplikasi Muzinas ini adalah menggunakan model air terjun. Terdapat lima fasa bagi model berkenaan iaitu fasa perancangan, fasa analisis, fasa reka

bentuk, fasa implementasi serta fasa pengujian. Pemilihan model air terjun kerana ianya mempunyai fasa yang jelas dan menghasilkan hasil yang baik bagi membangunkan aplikasi Muzinas ini. Penerangan setiap fasa pada model air terjun adalah seperti berikut:

i) Fasa Perancangan

Fasa ini merupakan fasa pertama bagi Model Air Terjun. Kegiatan utama bagi fasa ini adalah mengumpul maklumat mengenai masalah, objektif, skop dan segala perkara yang berkaitan dengan pembangunan Aplikasi Muzinas.

ii) Fasa Analisis

Fasa kedua pula lebih kepada menganalisis maklumat yang sedia ada supaya dapat dikenalpasti kesesuaian dan keperluan bagi membangunkan aplikasi yang dapat memenuhi kehendak pengguna yang minat dengan seni muzik.

iii) Fasa Reka Bentuk

Fasa ini menerangkan ciri-ciri dan bagaimana aplikasi berfungsi. Dalam fasa ini juga akan ditentukan perisian dan pangkalan data yang bakal diguna. Aplikasi diterap dengan beberapa elemen multimedia seperti teks, muzik, grafik, dan animasi 2D.

iv) Fasa Implementasi

Aplikasi Muzinas dibangun dan diuji keberkesanan sama ada ianya dapat berfungsi dengan baik seperti yang dikehendaki di fasa implementasi. Penyelenggaraan dilaksanakan ke atas aplikasi sekiranya terdapat sebarang kelemahan dan kesalahan.

v) Fasa Pengujian

Di dalam Fasa Pengujian, aplikasi ini diuji secara keseluruhan dan dinilai oleh pengguna setelah selesai dibangun untuk memastikan aplikasi Muzinas dapat memenuhi keperluan dan kefungsiannya.

5 HASIL KAJIAN


Perisian yang diguna ialah *Unity*, *Visual Studio* dan *Adobe Illustrator* untuk mereka bentuk antara muka serta objek. Hasil kajian adalah seperti berikut:

i) Antara Muka Menu Utama

Paparan Menu Utama berfungsi sebagai pengenalan dan halaman utama kepada aplikasi apabila membuka aplikasi. Terdapat dua butang pada antara muka iaitu butang Mula dan Kuiz . Butang Mula dan Kuiz adalah modul yang ada pada aplikasi. Elemen multimedia yang diterap dalam halaman ini ialah teks, audio dan grafik seperti yang dapat dilihat dalam Rajah 1.



Rajah 1 Antara Muka Menu Utama



Rajah 2 Antara Muka Pilihan Pengguna

Sekiranya pengguna klik butang Mula, pengguna diberi pilihan untuk membaca informasi atau mendengar bunyi yang dihasilkan oleh alat muzik seperti dalam Rajah 2.


Rajah 3 menunjukkan alat muzik yang ada dalam aplikasi Muzinas.



Rajah 3 Antara Muka Alatan Muzik Muzinas

ii) **Antara Muka Modul Informasi**


Rajah 4 merupakan contoh paparan antara muka bagi informasi alatan muzik Bonang yang boleh dicapai oleh pengguna.



Rajah 4 Antara Muka Informasi: Contoh Bonang

iii) Antara Muka Modul Bunyi dan Kuiz

Rajah 5 merupakan antara muka bagi bunyi alatan muzik Angklung. Melalui menu pilihan alatan muzik, pengguna dapat melihat alat contoh muzik dan mendengar bunyi alatan muzik tersebut.



Rajah 5 Antara Muka Bunyi: Contoh Angklung

Rajah 6 menunjukkan contoh paparan antara muka bagi kuiz alatan muzik Gong yang boleh dicapai oleh pengguna bagi Aplikasi Muzinas.



Rajah 6 Antara Muka Menjawab Kuiz

iv) Pengujian bersama pengguna

Sesi pengujian aplikasi telah dijalankan bersama pengguna aplikasi Muzinas. Seramai 20 responden terlibat dalam soal selidik ini yang terdiri daripada pelbagai lapisan umur. Dapatan tinjauan menunjukkan bagi bahagian kandungan aplikasi, 100% responden bersetuju kandungan aplikasi dan ciri multimedia yang digunakan bersesuaian dan mudah untuk difahami. Selain daripada itu, hasil kajian juga mendapati 90% responden bersetuju bahawa mereka menyukai dan merasakan pembelajaran berkenaan muzik adalah lebih menarik menggunakan aplikasi Muzinas.

6 KESIMPULAN

Pembangunan aplikasi Muzinas yang berasaskan Android dibangun bagi membantu pengguna mempelajari mengenai muzik tradisional walau di mana mereka berada. Walaupun didapati sudah banyak berada aplikasi muzik antarabangsa di pasaran, tetapi kebanyakannya tidak menggunakan ciri multimedia. Oleh itu, aplikasi Muzinas ini dibangun mengikut objektif kajian yang ditetapkan. Sasaran pengguna aplikasi adalah mereka yang gemar dengan alatan muzik tradisional dan berminat untuk mengetahui informasi berkenaan alat muzik tersebut.

Aplikasi ini juga diharap dapat membantu mereka mempelajari mengenai alatan muzik tradisional dengan lebih efektif dan menarik. Penambahbaikan terhadap aplikasi Muzinas boleh dilakukan pada masa hadapan dengan menambah jenis alat muzik lain di samping penggunaan teknik realiti luasan.

RUJUKAN

- Leong Kai Wen. 2014. Cabaran Masa Depan Terhadap Alat Muzik Tradisional. http://cabaranmasadepan5s5.blogspot.com/2014/03/alat-muzik-tradisional_24.html [11 Disember 2019].
- MelakaKini. 2019. Kenali alat muzik tradisi, warisan. <https://melakakini.my/kenali-alat-muzik-tradisi-warisan> [25 Oktober 2019].
- Norsuhaila Ibrahim. 2019. Alat Muzik Masyarakat Melayu. <http://klikweb.dbp.my/?p=14152> [5 Oktober 2019].
- Yahya Al-Saufi Bani Leman. 2010. Falsafah P.Ramlee.wmv. <https://www.youtube.com/watch?v=Ttx3-ESgaPQ> [10 November 2019].